

Kelantan perlu mohon semula pinjaman RM600j

11/11 22 DEC 1999

KUALA LUMPUR 21 Dis. — Kerajaan Kelantan perlu mengemukakan semula permohonan untuk memperoleh pinjaman mudah sebanyak RM600 juta daripada Kerajaan Pusat bagi membiayai skim projek bekalan air di negeri itu.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, permohonan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berhubung pinjaman itu telah dipertimbangkan oleh kabinet tetapi 'tergendala' kerana kesibukan menghadapi pilihan raya umum lalu.

"Selepas Menteri Besar Kelantan memohon kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad) tentang pinjaman itu, ia telah dibangkitkan dan

dibincangkan oleh jemaah menteri.

"Selepas itu, ada pilihan raya umum. 'Peperangan'

(pilihan raya) baru selesai. Saya percaya (kerajaan Kelantan) perlu mohon semula dan jelaskan masalah," katanya menjawab dakwaan Ketua Pembangkang, Datuk Fadzil Noor, kononnya Kerajaan Pusat memungkirkan janjinya untuk membiayai pinjaman mudah tersebut.

Fadzil yang juga Presiden Pas semasa membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (1999) (No.2) 1999 di Dewan Rakyat mendakwa Kelantan tidak pernah diperuntukkan pinjaman itu kerana "sehingga semalam, satu sen pun tidak disalurkan."

Menurut Samy, apa yang sebenarnya berlaku sebelum permohonan dibuat oleh Nik Abdul Aziz ialah projek penswastaan bekalan air antara kerajaan Ke-

lantan dengan Thames Water dari United Kingdom ketika itu tidak dirujuk balik kepada Kerajaan Pusat dan Unit Perancang Ekonomi (EPU).

"Aturan-aturan telah disediakan oleh kerajaan iaitu mana-mana satu kerajaan yang berminat menjalankan projek penswastaan, kita tiada halangan.

Kelulusan

"Tetapi perkara itu perlu dirujuk balik kepada EPU dan selepas itu kita boleh beri kelulusan dalam masa perbincangan. Pada masa itu tak ada perbincangan," katanya.

Samy Vellu berkata, apa yang dikhuatirinya kelak, rakyat akan menganggap kerajaan sengaja mendiskriminasikan negeri-negeri

yang dikuasai pembangkang.

"Rakyat mungkin ingat Kerajaan Pusat tak bagi apa-apa. Daripada Kementerian saya misalnya, beberapa juta ringgit disalurkan ke Kelantan untuk membaiki jalan. Saya percaya lebih baik kita hapuskan salah faham ini," katanya.

Fadzil yang masih enggan mengalah kemudian mendakwa, Kerajaan Pusat masih belum menjelaskan bayaran wajib sebanyak RM47 juta yang diperuntukkan oleh perlembagaan kepada kerajaan Kelantan bagi tahun ini.

"Saya difahamkan sehingga dua tiga hari ini, Kerajaan Pusat masih belum menjelaskan bayaran wajib ini," katanya.